

Newspaper : Utusan Malaysia

Date : 13th July 2013

Title : Projek terbengkalai di puchong siap September- MPSJ

Section : Page : 11

Bina Puri Holdings Bhd

(207184-X)

Projek terbengkalai di Puchong siap September - MPSJ

PUCHONG 12 Julai - Sebuah projek pembangunan bercampur di Jalan Hicom Puchong, USJ 21 dekat sini yang terbengkalai beberapa kali sejak 2002 dijangka siap sepenuhnya pada September depan selepas kerja-kerja pembinaannya diteruskan bermula pada Julai 2011.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Datuk Asmawi Kasbi berkata, projek tersebut yang kini sudah 90 peratus siap, diselamatkan oleh syarikat pemaju Sumbangan Lagenda Sdn. Bhd.

Menurutnya, projek tersebut terbengkalai di peringkat 65 peratus pembinaan pada 2001 disebabkan faktor kewangan dan tutupan pemegang saham.

"Seterusnya, projek ini diambil alih pula oleh sebuah syarikat pemaju lain pada 2006 sebelum sekali lagi terbengkalai selepas beberapa bulan dijalankan.

"Justeru, pada 2009 menerusi sistem tender terbuka, Sumbangan Lagenda dilantik sebagai pemaju baharu bagi meneruskan kerja-kerja pembinaan yang kini berjalan lan-

car," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akbar selepas meninjau projek The Main Place Residence and Mall itu di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Sumbangan Lagenda, Ir. Jason Yam.

Projek pembinaan tersebut mengandungi empat blok bangunan yang merangkumi pangaspuri 33 tingkat, termasuk lima tingkat tempat meletak kendaraan dan satu podium perniagaan setinggi tiga tingkat bersama dua tempat letak kereta bawah tanah.

Tambah Asmawi, pangaspuri itu memuatkan sebanyak 1,211 unit dengan 90 peratus daripadanya atau 1,100 unit telah dijual pada harga yang bermula RM210,000 hingga RM806,400.

Dalam perkembangan berkaitan, Asmawi berkata, tujuh daripada 19 projek pembinaan terbengkalai yang terletak di Seri Serdang dan Subang Jaya berjaya disiapkan.

"Enam projek lagi sedang diteruskan pembinaan, tiga projek pula dalam proses untuk dijalankan semula, sebuah projek dalam proses untuk diambil alih, sebuah daripadanya telah tergendala semula dan baki sebuah lagi projek menyaksikan pembinaannya masih terbengkalai," ujarnya.

**ASMAWI KASBI**

PANGASPURI Main Place Residence and Mall di USJ 21 kini telah 90 peratus siap selepas kerja menyeluruh projek itu dilaksanakan semula pada 2009.